



**KOLEJ YAYASAN PELAJARAN JOHOR
PEPERIKSAAN AKHIR DALAM TALIAN/ONLINE**

KURSUS	:	ETIKA PROFESIONAL
KOD KURSUS	:	MPU 2223
PEPERIKSAAN	:	DISEMBER 2021
MASA	:	3 JAM

ARAHAN KEPADA CALON

1. Kertas soalan ini mengandungi **TIGA (3)** bahagian: BAHAGIAN A (20 Markah)
BAHAGIAN B (50 Markah)
BAHAGIAN C (30 Markah)
2. Sila rujuk pada arahan terperinci di dalam kertas soalan ini.
3. Jawab **SEMUA** soalan pada kertas jawapan, iaitu kertas bersaiz A4 (atau lain-lain kertas dengan persetujuan pensyarah berkenaan).
4. Tulis butiran anda sepertimana berikut di penjuru atas kiri pada setiap kertas jawapan:
 - i. Nama Penuh Pelajar
 - ii. No. Kad Pengenalan
 - iii. Seksyen Kelas
 - iv. Kod Kursus
 - v. Nama Kursus
 - vi. Nama Pensyarah
5. Setiap helai kertas jawapan mesti ditulis nombor muka surat di penjuru bawah kanan.
6. Jawapan hendaklah ditulis tangan, kemas dan jelas.

JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

KERTAS SOALAN INI MENGANDUNGI 7 HALAMAN BERCETAK TERMASUK MUKA HADAPAN

BAHAGIAN A

Baca petikan di bawah. Jawab semua **soalan** pada kertas jawapan.

Setiap individu unik dan mempunyai kelebihan serta kebolehan yang tersendiri. Namun begitu anda tidak perlu hendak menjadi sesiapa. Jadilah diri anda sendiri. Biarlah anda tidak dihargai tetapi jangan sesekali tidak ada harga diri.

Akal atau minda membezakan manusia dengan makhluk yang lain. Manusia suburnya kerana akal. Oleh sebab itu, mantapkan akal agar hidup tidak tersasar. Jagalah akal dan hati menjadi cekal supaya minda menjadi segar. Anda mempunyai sel otak yang mempengaruhi emosi anda. Semuanya yang anda lihat dan dengar masuk di mata. Yang sebenarnya, segala yang anda lihat bukannya dengan mata tetapi melalui mata, dengan hati dan otak. Oleh sebab itu, bertindaklah dengan akal dalam semua situasi yang anda lalui.

Dalam musim Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) untuk memutuskan rantaian Covid-19, kita disarankan untuk mengamalkan gaya hidup norma baharu, dengan berpegang pada konsep hidup "kita jaga kita".

Untuk menghadapi cabaran "virus Covid-19" kita perlu menghindari diri kita daripada "virus minda". Hal ini demikian kerana jika kita bebas daripada "virus minda", emosi kita akan menjadi kuat. Orang yang lemah emosinya akan lemah fizikalnya dan antibodinya juga rendah, maka sukar melawan penyakit dan mudah dijangkiti oleh virus Covid-19 yang sedang mengganas itu. Kawal minda dan hati kita supaya patuh kepada peraturan yang telah ditetapkan oleh kerajaan seperti jaga diri dan duduk di rumah. Jadilah orang yang berjiwa besar apabila masalah diterima sebagai satu cabaran.

Orang yang berjiwa besar, masalah besar akan menjadi kecil, namun bagi orang yang berjiwa kecil, masalah yang kecil akan menjadi besar. Ada tiga jenis virus minda yang selalu menjadi alasan untuk kita membuat pilihan, keputusan dan tindakan yang positif. Virus minda tersebut ialah virus minda orang yang suka mengatakan susah sebelum membuat sesuatu perkara, virus minda pada perasaan takut, iaitu takut pada risiko dan virus minda sikap selalu fikir yang besar-besar dan tidak sabar.

Oleh yang demikian kita perlulah bertindak dengan pemikiran yang positif. Jika kita melihat sesuatu itu sebagai negatif, maka hasilnya juga akan negatif, tetapi jika kita memandangi sesuatu itu dengan emosi dan fikiran yang positif, hasil kehidupan kita juga akan turut positif. Latihlah diri kita untuk melihat dan menghadapi sesuatu perkara, hal, peristiwa atau kejadian yang ditakdirkan berlaku kepada kita dengan menggunakan konsep "pemikiran positif".

(Disesuaikan dari Rencana *Antara "Virus Minda" dan "Virus Covid-19"*,
Dewan Siswa, Bil 7 2020)

- i. Terangkan maksud frasa "**berjiwa besar**" berdasarkan petikan di atas.
(2 markah)
- ii. Mengapakah orang yang lemah emosinya akan lemah fizikalnya?
Berikan **dua(2)** sebab.
(4 markah)
- iii. Jelaskan **dua(2)** langkah yang boleh kita ambil untuk sentiasa patuh kepada arahan pihak kerajaan supaya negara terhindar daripada wabak seperti Covid-19.
(4 markah)
- iv. Berdasarkan jenis-jenis virus minda yang dinyatakan di atas, bincangkan **lima(5)** pemikiran positif berserta contoh yang sesuai yang boleh anda amalkan dalam kehidupan.
(10 markah)

[20 Markah]

BAHAGIAN B

Bahagian ini mengandungi **LIMA (5)** soalan.

Jawab **semua** soalan. Tulis jawapan anda pada kertas jawapan.

SOALAN 1

Profesional perunding mengenakan bayaran tertentu terhadap kliennya atas perkhidmatan yang diberikan seperti bayaran mengikut jadual, bida kompetitif, bayaran agihan dan bayaran secara kontijensi.

- a. Nyatakan maksud bayaran agihan.
(2 markah)
- b. Jelaskan **empat(4)** kelemahan bayaran agihan yang merugikan klien.
(8 markah)

SOALAN 2

Beberapa model obligasi terhadap klien ketika profesional memberikan perkhidmatan telah diperkenalkan.

- a. Berikan maksud obligasi terhadap klien.
(2 markah)
- b. Model paternalisme memberikan hak membuat keputusan kepada golongan profesional. Huraikan **dua(2)** sebab golongan profesional dibenarkan membuat keputusan bagi pihak klien dan nyatakan **dua(2)** kelemahan model ini terhadap klien.
(8 markah)

SOALAN 3

Pihak ketiga adalah orang selain daripada profesional dan klien.

- a. Berikan **dua(2)** contoh pihak ketiga.
(2 markah)
- b. Huraikan **dua(2)** tanggungjawab profesional terhadap pihak ketiga dan cadangkan **dua(2)** langkah yang patut diambil oleh seseorang profesional sekiranya diminta melakukan tindakan yang boleh mengabaikan kepentingan pihak ketiga.
(8 markah)

SOALAN 4

Golongan profesional mempunyai tanggungjawab untuk meningkatkan ilmu dan kepakaran mereka agar dapat memberikan sumbangan bermakna kepada negara.

- a. Nyatakan **dua(2)** langkah yang boleh diambil oleh profesional untuk menambah pengetahuan dan kepakaran mereka.
(4 markah)
- b. Penyelidikan dalam bidang perubatan banyak menimbulkan isu etika dalam kalangan profesional. Satu daripada isunya ialah mendapatkan persetujuan pesakit ketika menjalankan sesuatu ujikaji. Huraikan perkara-perkara yang menjadi unsur utama “persetujuan” tersebut.
(6 markah)

SOALAN 5

Meniup wisel adalah satu kaedah mendedahkan salah laku tidak beretika yang dilakukan oleh pekerja di sesebuah organisasi kepada pihak pengurusan organisasi ataupun pihak di luar organisasi.

- a. Nyatakan **dua(2)** keadaan yang membolehkan seseorang meniup wisel luaran dalam sesebuah organisasi.

(2 markah)

- b. Jelaskan **empat(4)** daripada perkara yang patut menjadi pertimbangan peniup wisel sebelum meniup wisel.

(8 markah)

[50 MARKAH]

BAHAGIAN C

Bahagian ini mengandungi **DUA (2)** soalan.

Jawab **satu** soalan sahaja. Jawab pada kertas jawapan.

SOALAN 1

Kod etika profesional adalah satu peraturan yang penting untuk membendung perbuatan tidak beretika ahli-ahlinya. Andaikan anda adalah orang yang bertanggungjawab menjaga kepentingan ahli-ahli anda dalam badan profesional yang anda wakili, bangunkan **lima(5)** kod etika yang boleh diimplimentasikan bagi memastikan ahli-ahli anda sentiasa menghormati peraturan dan undang-undang.

SOALAN 2

Penjawat awam sebenarnya telah pun didedahkan dengan Tonggak 12 yang menjadi garis panduan kepada semua peringkat perkhidmatan untuk diamalkan. Namun demikian berlaku ketidakpatuhan penjawat awam terhadap nilai-nilai yang digariskan dalam Tonggak 12. Kongres Kesatuan Pekerja-pekerja di dalam Perkhidmatan Awam Malaysia (Cuepacs) menyarankan penjawat awam untuk terus memberi perhatian kepada nilai-nilai asas seperti yang telah digariskan dalam Tonggak 12.

Dengan menggunakan contoh-contoh yang relevan bincangkan tindakan-tindakan yang boleh dilakukan oleh penjawat awam supaya mereka dapat menerapkan nilai-nilai murni Tonggak 12 dalam perkhidmatan mereka.

[30 MARKAH]

KERTAS SOALAN TAMAT

